Mohan a/l Letchumanan lwn Napialphavo bin Mohd Yunus dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–10 TAHUN 2004
SURAYA OTHMAN H
31 MARCH 2008

Prosedur Sivil — Res judicata — Penyalahgunaan proses mahkamah — Permohonan untuk mengenepikan penghakiman mahkamah sesyen atas dakwaan defendan telah melakukan 'perjury' — Sama ada 'Perjury' telah dibuktikan — Sama ada prinsip res judicata terpakai — Sama ada plaintif boleh mencabar keputusan mahkamah sesyen

Prosedur Sivil — Tindakan — Pembatalan — Permohonan untuk mengenepikan penghakiman mahkamah sesyen atas dakwaan defendan telah melakukan 'perjury' — Sama ada 'Perjury' telah dibuktikan — Sama ada tindakan remeh, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah — Sama ada tindakan boleh dibatalkan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Pada tahun 1992 plaintif telah mendakwa defendan-defendan di mahkamah sesyen berkenaan dengan satu kemalangan jalan raya. Tuntutan itu telah ditolak pada tahun 2000 selepas perbicaraan penuh. Rayuan plaintif juga telah ditolak. Pada tahun 2003, defendan kedua dikatakan membuat laporan polis di mana beliau mengaku telah melanggar plaintif dan tidak memberi keterangan yang benar semasa perbicaraan di mahkamah sesyen. Maka plaintif telah memfailkan writ saman ini untuk mengenepikan penghakiman mahkamah sesyen tersebut. Penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan defendan untuk membatalkan writ saman plaintif di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dan plaintif telah memfailkan rayuan ini terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif dengan kos:

(1) Tuntutan plaintif boleh dibatalkan di bawah A 18 k 19(1)(b) KMT kerana ianya adalah remeh atau menyusahkan, kerana ia akan membuatkan mahkamah terpaksa mendengar semula kes di atas kausa tindakan yang sama iaitu kemalangan tersebut, walhal tiada keadaan

istimewa (special circumstances) yang boleh dikatakan bahawa 'fraud' telah pun dilakukan oleh defendan kedua dengan hanya bersandarkan sekeping laporan polis. Pada peringkat ini laporan polis tersebut hanya merupakan satu dakwaan bahawa defendan kedua telah melakukan 'perjury' atau berbohong selepas mengangkat sumpah. Ini tidak mencukupi untuk plaintif berjaya dalam tindakannya (lihat perenggan 24); *Kesarmal & Anor v Valiappa Chettiar & Anor* [1954] MLJ 179 diikut.

(2) Hakim bicara telah menolak tuntutan plaintif setelah meneliti kesemua keterangan saksi dan bukan hanya bersandarkan kepada keterangan defendan kedua sahaja. Prinsip res judicata adalah terpakai. Sekiranya plaintif dibenarkan memfailkan tuntutan, maka ia akan merobohkan benteng ('open the floodgates') kerana plaintif seolah-olah dibenarkan mencabar keputusan mahkamah dengan mendengar semula kes yang telah pun diputuskan dari segi meritnya (lihat perenggan 26).

(3) Tuntutan plaintif adalah terlalu awal (premature) kerana belum dibuktikan bahawa defendan kedua telah memberi keterangan palsu dalam perbicaraan di mahkamah sesyen (lihat perenggan 13).

[English summary

In 1992, the plaintiff filed a suit against the defendants in the sessions court in relation to a road accident. The claim was dismissed in 2000 after a full trial. The plaintiff's appeal was also dismissed. In 2003, the second defendant was alleged to have made a police report in which he admitted to knocking down the plaintiff and in giving false evidence during trial in the sessions court. Hence the plaintiff filed this writ of summons to set aside the judgment of the sessions court. The senior assistant registrar allowed the defendant's application to strike out the plaintiff's writ of summons under O 18 r 19 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') and the plaintiff had filed this appeal against the said decision.

Held, dismissing the plaintiff's appeal with costs:

(1) The plaintiff's claim can be struck out under O 18 r 19 of the RHC because it was frivolous or vexatious, as the court had to rehear the case based on the same cause of action ie the said accident, where in fact there were no special circumstances in alleging that fraud had been committed by the second defendant by merely relying on a piece of police report. At this stage the police report was merely an allegation that the second defendant had committed perjury or lied upon oath.

A This was not sufficient for the plaintiff to succeed in his action (see para 24); *Kesarmal & Anor v Valiappa Chettiar & Anor* [1954] MLJ 179 followed.

(2) The trial judge dismissed the plaintiff's claim after scrutinising all the evidence of the witness and not only relying on the second defendant's B evidence. The principle of res judicata was applied. If the plaintiff was allowed to file the claim, it would open the floodgates as it was as though the plaintiff was allowed to challenge the decision of the court by rehearing the case which had been decided by its merits (see para 26).

C (3) The plaintiff's claim was premature as it had not been proven that the second defendant had given false evidence during trial in the sessions court (see para 13).]

Nota-nota

D Untuk kes-kes mengenai pembatalan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 35–184.

Untuk kes-kes mengenai penyalahgunaan proses mahkamah, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 5981–6110.

E **Kes-kes yang dirujuk**

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MA (dirujuk)

Kesarmal & Anor v Valiappa Chettiar & Anor [1954] MLJ 179, MT (dirujuk)

Talib bin Awang v Mohamad bin Abdullah & Ors [1983] 2 MLJ 413, MT F (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 kk 19, 19(1)(b), (c), (d)

Kanun Keseksaan s 191

G *Davinia Rajadurai (Kanaga Suresh & Co) bagi pihak plaintif.*
M Ramachelvam (Rama-Rozi & Associates) bagi pihak defendan-defendan.

Suraya Othman H:

H **[1]** Ini adalah rayuan oleh plaintif terhadap keputusan penolong kanan pendaftar (PKP) yang membenarkan defendan untuk membatalkan writ saman plaintif di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (PU(A) 50/1980) ('KMT').

I LATAR BELAKANG KES

[2] Pada 16 Januari 1990, plaintif mendakwa terlibat dengan kemalangan motolori CM 1352 yang dipandu oleh defendan kedua dan dimiliki oleh defendan pertama.

[3] Pada tahun 1992 plaintif memfailkan saman di Mahkamah Sesyen Temerloh. **A**

[4] Pada 21 Mac 2000, hakim mahkamah sesyen menolak tuntutan plaintif setelah mendengar kes secara bicara penuh di mana sepuluh orang saksi memberikan keterangan iaitu lapan orang saksi plaintif dan dua orang saksi defendan. **B**

[5] Pada 20 Ogos 2001, hakim Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan plaintif dan keputusan hakim bicara dikekalkan. **C**

[6] Pada 14 Januari 2003, Mahkamah Rayuan pula telah menolak permohonan kebenaran untuk merayu oleh plaintif.

[7] Pada 27 Ogos 2003, defendan kedua dikatakan membuat laporan polis di mana beliau mengaku telah melanggar plaintif dan tidak memberi keterangan yang benar semasa perbicaraan di mahkamah sesyen. **D**

[8] Pada 16 Mac 2004, plaintif memfailkan writ saman ini untuk mengenepikan penghakiman mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi dengan alasan defendan kedua telah memberi keterangan yang tidak benar semasa perbicaraan di Mahkamah Sesyen Temerloh. **E**

[9] Pada 17 Ogos 2004, defendan memfailkan permohonan saman dalam kamar untuk mengenepikan writ saman plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b), (c) dan (d) KMT. **F**

[10] Pada 11 Disember 2006, PKP membenarkan permohonan defendan untuk mengenepikan writ saman plaintif. **G**

[11] Plaintif merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan PKP.

HUJAHAN PLAINTIF/PERAYU **H**

[12] Menurut plaintif tindakan di dalam kes ini adalah berdasarkan fraud dan pakatan sulit (*fraud and collusion*), maka penghakiman yang diperolehi di mahkamah sesyen terdahulu boleh diketepikan.

[13] Plaintif juga menghujahkan bahawa prinsip res judicata adalah untuk menegakkan keadilan dan tuntutan plaintif tidak seharusnya dibatalkan berdasarkan prinsip ini kerana terdapat fakta sumpah bohong (*perjury*) yang bukan hanya alegasi tanpa asas. Di dalam kes ini juga terdapat fraud yang disengajakan (*deliberate fraud*) yang telah pun diakui oleh defendan kedua di **I**

dalam laporan polis beliau yang di buat pada 27 Ogos 2003, iaitu selepas prosiding tuntutan pertama plaintif tamat di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi Temerloh. Plaintif juga menegaskan bahawa isu membuka tandup 'floodgates' dan isu tindakan plaintif difailkan terlalu awal (*premature*) adalah tidak relevan untuk mengkaburi isu-isu yang relevan mengenai kes ini.

HUJAHAN DEFENDAN/RESPONDEN

[14] Menurut defendan, terdapat kesalahan ejaan nama defendan kedua di dalam laporan polis yang dibuat pada 27 Ogos 2003. Defendan menghujahkan bahawa tiada sebarang keterangan di hadapan mahkamah yang menunjukkan bahawa defendan kedua membuat laporan polis berkenaan selain daripada pengataan plaintif di dalam afidavit balasannya.

[15] Defendan menggunapakai prinsip res judicata kerana tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan berdasarkan kemalangan yang sama yang berlaku pada tahun 1990 dan setelah mahkamah mendengar keterangan sepuluh orang saksi atas isu liabiliti.

[16] Defendan selanjutnya menghujahkan bahawa plaintif tidak berhak untuk mengenepikan perintah mahkamah sesyen dan mahkamah tinggi dengan alasan defendan kedua memberi keterangan palsu semasa perbicaraan di mahkamah sesyen dahulu. Defendan menghujahkan sekiranya tuntutan plaintif ini dibenarkan untuk diteruskan maka ia akan membuka tandup 'floodgate' untuk semua orang yang tidak berjaya di dalam tindakan mereka di mahkamah untuk berbuat demikian.

[17] Selepas daripada itu, tindakan plaintif juga adalah difailkan terlalu awal (*premature*), kerana tiada keterangan di hadapan mahkamah bahawa defendan kedua telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 191 Kanun Keseksaan (FMS Bab 45) iaitu memberi keterangan palsu. Malah dihujahkan lagi tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa siasatan pihak polis telah dijalankan atau telah tamat berkenaan dengan 'kesalahan' ini.

[18] Seterusnya, plaintif juga gagal memberikan keadaan istimewa (*special circumstances*) terhadap unsur-unsur 'fraud' yang dikatakan telah berlaku.

ULASAN MAHKAMAH

[19] Mahkamah perlu memutuskan sama ada pihak defendan telah berjaya membuktikan semua bahagian atau salah satu daripada bahagian di dalam A 18 k 19(1)(b), (c) dan (d) KMT atau tidak.

[20] Mahkamah ingin merujuk kepada kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 di mana Mahkamah Agung telah memutuskan: A

> The principle upon which the courts act in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the Rules of the High Court 1980 is well settled. *It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process* under this rule and the summary procedure can only be adopted *when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'*. B

[21] Maka, menggunapakai kes di atas mahkamah perlulah melihat sama ada tuntutan plaintif adalah sesuatu tuntutan yang 'obviously unsustainable' iaitu satu tuntutan yang dengan jelasnya tidak boleh dipertahankan untuk mewajarkan sama ada permohonan defendan untuk membatalkan writ saman plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b), (c) dan (d) KMT dibenarkan atau tidak. C D

[22] Jika diteliti, tuntutan plaintif adalah bersandarkan kepada laporan polis yang dikatakan telah dibuat oleh defendan kedua pada 27 Ogos 2003, di mana defendan kedua sendiri di dalam laporan tersebut menyatakan bahawa beliau telah memberi kenyataan palsu di perbicaraan di mahkamah sesyen dahulu. E

[23] Mahkamah merujuk kepada kes *Kesarmal & Anor v Valiappa Chettiar & Anor* [1954] MLJ 179 di mana diputuskan bahawa: F

> *The judgement in the previous suit is res judicata and could only be set aside if fraud were proved* and the allegations of fraud could only succeed if it could be shown that this matter was not before the court in the previous suit or could not with reasonable diligence on the part of the present plaintiffs have been before the court. *The plaintiffs cannot succeed in that action on their allegation of perjury alone*. G

[24] Pada hemat mahkamah, tuntutan plaintif di sini adalah salah satu tuntutan yang boleh dibatalkan di bawah A 18 k 19(1)(b) KMT kerana ianya adalah remeh atau menyusahkan, kerana ia akan membuatkan mahkamah terpaksa mendengar semula kes di atas kausa tindakan yang sama iaitu kemalangan yang berlaku pada tahun 1990, walhal tiada keadaan yang istimewa (*special circumstances*) yang boleh dikatakan bahawa 'fraud' telah pun dilakukan oleh defendan kedua dengan hanya bersandarkan sekeping laporan polis yang dikatakan telah dibuat oleh defendan kedua selepas semuanya telah pun diputuskan oleh mahkamah (mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi) terlebih dahulu. Pada peringkat ini laporan polis tersebut hanya merupakan satu dakwaan bahawa defendan kedua telah melakukan 'perjury' atau berbohong selepas mengangkat sumpah dan ini mengikut kes H I

Kesarmal & Anor v Valiappa Chettiar & Anor [1954] MLJ 179 tidak mencukupi untuk plaintif berjaya dalam tindakan beliau.

[25] Lagipun, tuntutan plaintif telah pun ditolak oleh hakim bicara di mahkamah sesyen selepas mendengar keterangan saksi seramai sepuluh orang termasuk lapan orang saksi plaintif, dan dua orang saksi defendan. Hakim bicara membuat keputusan setelah meneliti kesemua keterangan saksi dan bukan hanya bersandarkan kepada keterangan defendan kedua sahaja. Malah, rayuan plaintif di Mahkamah Tinggi telah pun ditolak dan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Rayuan juga ditolak. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa prinsip res judicata adalah terpakai dan keadilan untuk kedua-dua pihak telah pun dikecapi.

[26] Mahkamah turut bersetuju dengan hujahan defendan yang mengatakan bahawa sekiranya plaintif dibenarkan memfailkan tuntutan berdasarkan kepada dakwaan bahawa saksi memberikan keterangan palsu di mahkamah bersandarkan kepada laporan polis yang dibuat selepas perbicaraan penuh, maka ia akan merobohkan benteng 'open the floodgates' kerana plaintif seolah-olah akan dibenarkan mencabar keputusan mahkamah dengan mendengar semula kes yang telah pun diputuskan dari segi meritnya.

[27] Tambahan pula, tuntutan plaintif adalah difailkan terlalu awal (*premature*) kerana tiada apa-apa bukti kukuh yang menunjukkan bahawa defendan kedua telah melakukan 'fraud' dengan memberi keterangan palsu di mahkamah sesyen. Defendan kedua tidak atau belum lagi dipertuduh di mahkamah di bawah s 191 Kanun Keseksaan kerana memberi keterangan palsu dan belum disabitkan dengan 'kesalahan' tersebut. Malah tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa sisatan polis telah dijalankan atau telah tamat berkaitan 'kesalahan' ini, maka isu yang ditimbulkan oleh plaintif pada peringkat ini adalah semata-mata spekulasi sahaja.

[28] Mahkamah merujuk kepada kes *Talib bin Awang v Mohamad bin Abdullah & Ors* [1983] 2 MLJ 413 di mana di dalam kes tersebut hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan sedemikian:

> In an action for malicious prosecution it is essential for the plaintiff to aver and prove that the proceeding complained of, terminated in his favour; *since the criminal proceedings against the plaintiff in the Kadi's court had not been finally determined* by the Shariah Appeal Court in the plaintiff's favour, *it was premature for the plaintiff to bring this action*;

[29] Oleh itu, tuntutan plaintif adalah terlalu awal (*premature*) kerana belum dibuktikan lagi bahawa defendan kedua telah memberi keterangan palsu dalam perbicaraan di mahkamah sesyen dahulu.

[30] Oleh yang demikian berdasarkan kepada alasan-alasan yang disenaraikan di atas, rayuan plaintif ini wajarlah ditolak dengan kos dan keputusan yang diberikan oleh PKP pada 11 Disember 2006 membenarkan writ saman plaintif dibatalkan di bawah A 18 k 19 KMT adalah dengan ini dikekalkan.

Rayuan plaintif ditolak dengan kos.

Reported by Kanesh Sundrum